



## DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA (Jawatan Kosong)

Permohonan dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan mempunyai kelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

**Bil. Iklan: DBKU/3/2019**

- 1 a) **Jawatan:** Pemandu Kenderaan H11
- b) **Jabatan:** Dewan Bandaraya Kuching Utara
- c) **Kumpulan Perkhidmatan:** Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
- d) **Klasifikasi Perkhidmatan:** Kemahiran
- e) **Bahagian Yang Memerlukan:** Bahagian Mekanikal Dan Elektrikal

(iii) Berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat Penaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### 2. **Jadual Gaji Pemandu Kenderaan Gred H11:-**

**Gaji Minimum**  
RM 1,218.00

**Gaji Maksimum**  
RM 2,939.00

### 3. **Antara Skop Tugas Utama**

- a) Membuat pemeriksaan kenderaan untuk memastikan sentiasa dalam keadaan baik, bersih, selamat sebelum, semasa dan selepas digunakan.
- b) Memastikan kenderaan diselenggarakan mengikut jadual yang telah ditetapkan.
- c) Melapor aduan kerosakan kenderaan kepada Pegawai Kenderaan/Penyelia Pemandu sekiranya berlaku kerosakan dan membuat laporan Polis sekiranya berlaku kemalangan
- d) Melaksanakan tugas harian seperti yang dinyatakan dalam Kad Arahan Kerja dan memastikan berada ditempat melapor 15 minit awal.
- e) Penggunaan kenderaan rasmi DBKU selain daripada arahan kerja hendaklah mendapat kelulusan daripada Pegawai Kenderaan
- f) Menggunakan alat perlindungan keselamatan seperti safety boot, topi keselamatan, sarung tangan, mask dan lain-lain (jika perlu) semasa menjalankan tugas.
- g) Memastikan paras minyak kenderaan tidak kurang daripada  $\frac{1}{4}$  selepas digunakan.
- h) Memastikan Buku Catatan Harian Kenderaan sentiasa berada didalam kenderaan, direkod dengan lengkap serta ditandatangani oleh pengguna selepas digunakan dan dikemukakan kepada Pegawai Kenderaan untuk semakan sekurang-kurangnya sekali seminggu.
- i) Melapor diri semula dengan Pegawai kenderaan sekiranya tiada operasi ditempat yang telah ditetapkan
- j) Sentiasa bersedia menerima arahan lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

### **Syarat Tambahan :**

Keutamaan akan diberikan kepada mereka yang memiliki lesen **E Penuh dan H**

### **Taraf Jawatan : Kontrak**

### **Cara Memohon:**

Calon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat tersebut, sila **hantar permohonan dengan menulis surat yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik, pengalaman kerja beserta sijil-sijil yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) kepada:-**

### **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**

**Dewan Bandaraya Kuching Utara**

**Tingkat 3, Bangunan DBKU**

**Bukit Siol, Jalan Semariang**

**Petra Jaya, 93050 Kuching**

Pemohon daripada kakitangan kerajaan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing berserta dengan perkara berikut:-

- a) Laporan Sulit
- b) Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terakhir
- c) Salinan Kenyataan Perkhidmatan

**Tarikh Tutup Permohonan : 28 Jun 2019**

### **Catatan Am:**

- (i) Permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan dan tidak memberi maklumat dengan lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- (ii) Hanya calon-calon yang layak selepas disenaraitapis sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- (iii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

### 4. **Syarat Lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (ii) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan